

**PENYATA RASMI**  
**MESYUARAT KEEMPAT**  
**BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT**  
**DEWAN NEGERI JOHOR YANG KE-13**

**HARI KHAMIS**

**09 MAC 2017**

**BIL. 13 TAHUN 13**

**HADIR**

YB Speaker,  
Tan Sri Haji Mohamad bin Haji Aziz, PSM., PJN., SMJ., KMN., PIS., BSI., AMN.,  
PPN.

YAB Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran, Kewangan dan  
Perancangan Negeri, Johor.  
Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, SPMJ., SMIJ., DSPN., PIS.  
(Permas)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan  
Usahawan dan Koperasi Negeri, Johor.  
Datuk Haji Md. Jais bin Haji Sarday, PJN., KMN., PSI.  
(Mahkota)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat Negeri, Johor.  
Puan Hajah Asiah binti Md. Ariff, AMN., PSI.  
(Johor Lama)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan  
Kepenggunaan Negeri, Johor.  
Datuk Tee Siew Kiong, DMSM., PSI.  
(Pulai Sebatang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar  
dan Wilayah Negeri, Johor.  
Datuk Ir. Haji Hasni bin Haji Mohamad, PGDK., KMN., PIS., AMN., PSI.  
(Benut)

YB Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan dan Sumber Manusia Negeri, Johor.  
Encik Vidyananthan a/l Ramanadhan, AMN., PSI.  
(Kahang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Agama Negeri, Johor.  
Tuan Haji Abd. Mutalip bin Abd. Rahim, PIS., PSI.  
(Layang-Layang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri, Johor.  
Tuan Haji Ismail bin Mohamed, PSI.  
(Bukit Serampang)

YB Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Kebudayaan  
dan Warisan Negeri, Johor.  
Dato' Haji Zulkurnain bin Haji Kamisan, DIMP., PJK., PSI.  
(Sri Medan)

YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri, Johor.  
Datuk Haji Ayub bin Rahmat, DPSM., AMN., PPN., PSI.  
(Kemelah)

YB Dato' Haji Baderi bin Dasuki, DPMJ., PLP., PIS., BSI.  
(Panti)

YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang, DMSM., KMN., BSK.  
(Tiram)

YB Datuk M. Asojan a/l Muniyandy, DPSM., AMN.  
(Gambir)

YB Encik Lau Chin Hoon  
(Pemanis)

YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali DMSM., KMN., PIS.  
(Semarang)

YB Tuan Haji Ayub bin Jamil, PIS.  
(Rengit)

YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, SSAP., SIMP., DMSM.  
(Pasir Raja)

YB Puan Hajah Hamimah binti Mansor,  
(Penawar)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md. Salleh, PJN.  
(Jorak)

YB Tuan Haji Rasman bin Ithnain  
(Sedili)

YB Datuk Haji Adam bin Sumiru, DPSM., KMN., AMN., PIS.  
(Tanjung Puteri)

YB Encik Mohd. Azahar bin Ibrahim  
(Tenang)

YB Tuan Haji Abd. Taib bin Abu Bakar, PIS.  
(Machap)

YB Tuan Haji Mohd. Ismail bin Roslan, PPN.  
(Semerah)

YB Encik Teoh Yap Kun  
(Paloh)

YB Dato' Ir. Syed Sis bin Syed A. Rahman, DSNS.  
(Tanjung Surat)

YB Puan Zaiton binti Ismail, PIS., PPN.  
(Sungai Balang)

YB Encik Raven Kumar a/l Krishnasamy  
(Tenggaroh)

YB Tuan Haji A. Aziz bin Ismail, PIS.  
(Senggarang)

YB Dr. Haji Zaini bin Abu Bakar  
(Nusajaya)

YB Puan Hajah Norshida binti Ibrahim  
(Buloh Kasap)

YB Tuan Haji Abd. Razak bin Haji Minhat  
(Serom)

YB Dato' Seri Haji Saipolbahari bin Haji Suib, SSAP., DIMP., AMN., KMN., JMN.  
(Bukit Naning)

YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh  
(Kukup)

YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh  
(Bukit Permai)

YB Puan Sri Azizah binti Zakaria, PIS., PPN., AMN., KMN.  
(Parit Raja)

YB Datuk Tengku Putra Haron Aminurrashid bin Tan Sri Tengku Hamid Jumat,  
DPSM. KMN.  
(Kempas)

YB Puan Gan Peck Cheng  
(Penggaram)

YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan  
(Parit Yaani)

YB Encik Tan Chen Choon  
(Jementah)

YB Encik Abdullah bin Husin  
(Puteri Wangsa)

YB Dr. Haji Sheikh Ibrahim bin Salleh  
(Sungai Abong)

YB Dr. Haji Mohamad bin Taslim  
(Maharani)

YB Encik Jimmy Puah Wee Tse  
(Bukit Batu)

YB Dr. Boo Cheng Hau  
(Skudai)

YB Encik Tan Hong Pin  
(Mengkibol)

YB Puan Chew Peck Choo  
(Yong Peng)

YB Encik Chen Kah Eng  
(Stulang)

YB Encik Lim Eng Guan  
(Bekok)

YB Encik Ee Chin Li  
(Tangkak)

YB Encik Chua Wee Beng  
(Bentayan)

YB Encik Yeo Tung Siong  
(Pekan Nenas)

YB Cik Liow Cai Tung  
(Johor Jaya)

YB Cik Wong Shu Qi  
(Senai)

YB Encik Cheo Yee How  
(Pengkalan Rinting)

**TURUT HADIR**  
**(MENURUT FASAL 6(3) BAHAGIAN KEDUA UNDANG-UNDANG TUBUH**  
**KERAJAAN**  
**NEGERI JOHOR)**

YB Setiausaha Kerajaan Johor.  
Tuan Haji Azmi bin Rohani, SMJ., PIS

YB Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.  
Dato' Ishak bin Sahari, DPTJ., AMP., PSI.

YB Pegawai Kewangan Negeri Johor.  
Tuan Haji Mohd Nasir bin Abd. Salam, SMJ., PIS., PSI.

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

YB Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan Negeri, Johor.  
Datuk Haji Abd. Latif bin Bandi, DPSM., DSM., PSI.  
(Endau)

**Persidangan bermula pada jam 9:30 pagi.**

**YB Tan Sri Speaker mengetuai Persidangan.**

**DOA.**

(Penolong Jurutulis membaca doa).

**Jurutulis : PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT TAN SRI SPEAKER.**

**YB Speaker** : Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu. Salam sejahtera, salam bahagia seterusnya selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada pagi ini kita akan menyambung Mesyuarat Keempat Bagi Penggal Persidangan Keempat Dewan Negeri Johor Yang Ketiga Belas. Saya berharap persidangan kita ini akan dapat berjalan dengan lancar, teratur dan terhormat mengikut peraturan-peraturan dan undang-undang yang sedia ada. Mudah-mudahan persidangan ini akan menghasilkan sesuatu yang baik.

**Jurutulis : PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 1 dan 2 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 1 – Penyata Kewangan Negeri Johor Tahun 2015

Kertas Mesyuarat Bilangan 2 – Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2015 dan Penyata Memorandum mengenai :

- Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Johor Tahun 2015;
- Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Siri 2 Tahun 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 3 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Agama** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 4 dan 5 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 4 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 5 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi bagi pihak YB Pengerusi Perumahan dan Kerajaan Tempatan :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 6 dan 7 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 6 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Johor Bahru Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

Kertas Mesyuarat Bilangan 7 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Majlis Daerah Labis Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membentangkan Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2017.

Kertas Mesyuarat Bilangan 8 Tahun 2017 – Penyata Kewangan Perbadanan Bioteknologi dan Biodiversiti Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015.

**Jurutulis : SOALAN-SOALAN LISAN.**

**YB Speaker :** Yang Berhormat Pasir Raja, jemput.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja) :** Terima kasih Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 1.

Dasar Johor Berkemajuan yang menggunakan istilah 'Team Johor' adalah sesuatu yang unik diperkatakan rakyat. Adakah boleh ia dijadikan sesuatu nilai berharga kepada dasar TN50 peringkat nasional yang hendak dibangunkan?

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Pasir Raja yang bertanyakan tentang Gagasan Johor Berkemajuan, yang mana turut merujuk kepada istilah 'Team Johor'. Dan, bagaimana ini boleh menyumbang kepada Transformasi Nasional 50 ataupun TN50.

Pertama sekali, saya ingin menegaskan yang Johor amat mendukung ikhtiar kerajaan Persekutuan merangka Pelan Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50 sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020. Malaysia adalah negara yang bertumbuh maju dan sejahtera kerana kita selalu dipandu dengan ilham dan pemikiran terbaik yang diungkap dalam pelbagai dasar dan wawasan yang berpandangan jauh. Ilham dan wawasan yang menjangkau beberapa era, bukan sekadar setahun dua. Maka Johor bersedia untuk membantu kerajaan Persekutuan dalam apa jua perkara sesuai dan selayaknya untuk memastikan TN50 digubal dengan sebaiknya. Dan, insya-Allah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh, semoga natijah darinya akan mendatangkan manfaat kepada tanah air.

Sebelum saya menjelaskan bagaimana slogan 'Team Johor' yang saya ungkapkan dalam amanat tahun baru 2017, boleh menjadi nilai tambah kepada TN50, izinkan saya menjelaskan sekali lagi aspirasi sebenar 'Team Johor'. Saya tidak mengistilahkan 'Team Johor', saya hanya mengungkap fenomena yang saya perhatikan telah berlaku di mana-mana, di seluruh pelosok Johor iaitu kebangkitan rasa dan semangat yang sangat membara untuk memperbaiki Johor yang digerakkan secara muafakat, yang disandarkan kepada visi Johor Berkemajuan.

Semuanya sebagai satu pasukan, yang ingin menjadikan Johor dan masyarakatnya dalam kelas yang tersendiri. Bila saya lihat semua fenomena ini, saya nekad untuk memberi makna kepadanya. Kita mesti mengiktiraf semangat berpasukan ini bahawa kitalah pasukannya, kitalah yang mengambil tanggungjawab terhadap Johor, yang ada rasa kepunyaan kepada Johor dan mahukan Johor menjadi masyarakat terbaik dan negeri yang berjaya.

‘Team Johor’ adalah satu seruan yang memadamkan segala kedudukan, status sosial dan taraf pendidikan. Walau di mana sekalipun kita bekerja dan menetap, walau dari bahagian mana pun kita berasal, biar apa pun agama dan bangsa kita, selagi amal usaha kita menyumbang kepada kebaikan dan kemakmuran Johor dan masyarakatnya, kita adalah ‘Team Johor’.

Malaysia ini naratifnya pelbagai. Ada yang kaya, ada yang kurang berada. Ada yang profesional, ada yang separa mahir. Ada yang bekerja dengan kerajaan dan ada yang mencari rezeki dalam sektor swasta. Ada yang muda, ada yang veteran, ada yang aktif dalam politik, ada juga mereka yang mempolitikkan semua perkara. Dan yang itu, kena tanyalah pembangkang. Namun segala perbezaan ini, tidak bermakna yang kita tidak boleh bekerja bersama, anggaplah ‘Team Johor’ ini sebagai satu seruan yang neutral, yang melenturkan segala perbezaan yang merenggangkan, ia adalah ikhtiar mencari persamaan antara kita semua. Dan, saya percaya TN50 tidak akan dicapai jika kita tidak bersatu atau jika kita hanya memfokuskan kepada sesetengah pihak sahaja dalam merealisasikan. Malah ‘Team Johor’ harus dilihat melangkaui kerajaan atau apa-apa ideologi politik. Ia mesti berupaya meruntuhkan apa-apa sahaja label atau perlambangan yang selama ini memisahkan kita.

Saya berikan contoh agenda kelestarian Johor atau membasmi kemiskinan atau menambah baik tadbir urus kerajaan negeri, ia bukan persoalan ideologi politik atau tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Ia adalah tanggungjawab kolektif kita. Masalah yang penyelesaiannya adalah melalui kerja berpasukan, semua kaum, semua peringkat dan semua lapisan yang terdapat dalam negeri kita.

Seterusnya berhubung dengan sumbangan dan nilai tambah ‘Team Johor’ dalam menjayakan TN50, ia boleh berlaku dengan beberapa cara dan bentuk. Pertamanya, ‘Team Johor’ boleh menjadi suntikan semangat dan budaya kerja berpasukan yang menjadi pra-syarat kritikal dalam menggubal dan melaksanakan TN50. Tiada wawasan hebat dan ilham terbaik boleh tercerna dari pemikiran hanya kerajaan ataupun pemerintah. Ia menuntut kita mencari idea hebat itu dari mana jua, dari segenap pelosok Malaysia dan dunia. Kerana itu kita mesti melakukannya secara berpasukan, secara kolektif, bukan sendiri-sendirian. Dan ingatlah ini, Malaysia ini satu-satunya rumah kita, ia rumah yang sarat dengan pelbagai cerita, cerita yang indah dan baik dan cerita tentang pelbagai kesusutan dan kelemahan. Sedarlah Malaysia bukannya himpunan hikayat dongeng pari-pari atau kisah golongan tertentu yang pengakhirnya indah-indah belaka. Kita pernah terluka dan berdarah, kita pernah jatuh dan tersungkur, kita pernah lemah dan tidak keruan, malah kita pernah berantakan dan menjadi huru-hara. Tetapi tempuhi semua itu sebagai sebuah bangsa yang bersatu, sebagai sebuah pasukan, kita tempuhi semuanya dengan setia kawan pelbagai bangsa, yang di nakhodakan oleh Barisan Nasional. (Dewan bertepuk).



Justeru itu, konsep 'Team Johor' harus menjadi panduan dalam merealisasikan TN50 bahawa cerita terbaik Malaysia ialah kejayaannya mengurus kepelbagaian dan bekerja sebagai satu pasukan. Kedua, 'Team Johor' menjadi nilai tambah kepada TN50 kerana ia adalah perangsang untuk Johor memberikan yang terbaik kepada Malaysia. 'Team Johor' bukan sekadar suatu seruan muafakat, ia adalah jenama dan budaya kerja terbaik. Apabila kita di peringkat negeri memberikan yang terbaik, maka pastinya secara tidak langsung, Malaysia dengan sendirinya akan menjadi lebih baik. Ini kerana di bawah konsep 'Team Johor', kita mensasarkan untuk memastikan semua orang bekerja dengan penuh fokus, berintegriti dan berusaha dengan memberikan yang sehabis baik dalam setiap urusan dan tanggungjawab mereka. Jadi, saya percaya kedua-dua perkara ini boleh menjadi satu tawaran yang penting dan bermakna ke arah menjayakan TN50.

**YB Speaker** : Pasir Raja, jemput.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Tan Sri Speaker, terima kasih. Terima kasih di atas penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, sesuatu yang padat dan realistik. Sesungguhnya Tan Sri Speaker, 'Team Johor' adalah milik rakyat Johor sekarang. Insyaa-Allah satu ketika nanti jadi milik rakyat Malaysia dengan adanya TN50. Kini, kita menghala ke arah negeri dan negara yang mempunyai dasar, tak lain tak bukan memberi harapan kepada rakyat betapa kerajaan hari ini memang bersedia menghadapi cabaran yang dijangkakan mendatang. Antaranya Tan Sri Speaker, saya nak maklumkan kehadiran generasi baru yang mengubah landskap politik dan juga iklim tanah air.

Yang kedua, tentu sekali 'Team Johor' dalam dasar Johor Berkemajuan menggunakan kaedah *bottom up approach*, dari bawah ke atas. Bukan dari atas ke bawah dengan izin Tan Sri. Jadi, dengan memberi gambaran betapa inklusifnya rakyat, perkara ini tentu Yang Amat Berhormat melakukan banyak konsultasi dengan rakyat Johor.

Jadi, saya ingin bertanya, kalaulah kita memerlukan *sense of belonging*, dengan izin, ataupun semangat berkepunyaan ini, matlamat yang sama, agak-agak kita boleh dapat tak beberapa faktor yang boleh menjejaskan kejayaan 'Team Johor' ini terutama sekali mencapai matlamat yang baik dan juga halangan daripada pembangkang yang sentiasa menghasut ini atas kejayaan ini?

**YB Speaker** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Tan Sri Speaker, saya lihat soalan itu dah ada jawapannya sendiri. Saya terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Raja. Seperti yang telah saya nyatakan bahawa kalau kita nak jayakan semua itu, pertama kita mempunyai matlamat dan objektif yang selari dan serupa. Dan, saya percaya matlamat dan objektif yang ada bersama-sama yang kita turut dukung ialah kita hendak menjadikan Johor negeri yang terbaik dan Johor negeri yang ekonominya paling maju di Malaysia. Dan, jika itu menjadi matlamat kita bersama, tentunya kita tak boleh capai perkara itu kalau kita tidak bergerak secara satu pasukan. Dan, di sinilah saya percaya rakyat akan dapat menilai usaha-usaha yang kita lakukan dan golongan-golongan yang mungkin kerana maksud tertentu yang tidak mahu kita berjaya kerana apabila kita berjaya, akan menghancurkan mungkin peluang mereka pula untuk mendapat sesuatu. Dan, kalau kita dapat bergerak secara satu pasukan 'Team Johor' yang akan mengikat untuk kita mencapai kejayaan itu ialah nilai

muafakat antara kita. Nilai muafakat itu bukan untuk kita hidup secara bersama-sama tetapi lebih kepada bagaimana dengan hubungan yang rapat dan akrab itu, kita boleh tentukan pencapaian kita yang terbaik dan semaksimum mungkin. Jadi, saya percaya berasaskan kepada itu dan kefahaman yang semakin meningkat di kalangan masyarakat dan Bangsa Johor, insya-Allah kita akan terus berjaya mengemudi Johor ini bersama-sama dengan 'Team Johor' mencapai hasrat dan juga matlamat negeri kita. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Speaker** : Jemput Parit Yaani.

**YB Tuan Haji Aminolhuda bin Haji Hassan (Parit Yaani)** : Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Berdasarkan kepada jawapan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bahawa 'Team Johor' ataupun dalam soalan satu ini, TN50 adalah sambungan daripada idea Tun Dr Mahathir berkaitan dengan 2020. Kita lihat bahawa 2020 dalam tahun ini hanya tinggal 3 tahun, tak sampai. Kegagalannya jelas apabila ekonomi dan nilai ringgit kita jatuh merosot lebih jauh, lebih teruk. Kegagalan juga kita melihat bagaimana isu yang disebut seluruh dunia berkaitan dengan isu-isu negara kita.

Cuma, saya merasakan bahawa, Parit Yaani merasakan bahawa, istilah 'Team Johor' ini macam nak melarikan satu istilah baru yang telah diuar-uarkan oleh Baginda Sultan, Bangsa Johor, Bangsa Johor tu dah baik, dah cantik dah. Bangsa tu, dia tidak mengikat kepada maksud yang, bila *Team* ni, macam *Team* bolalah, satu *Team* yang berlawanan. Penonton tu tak boleh masuk dalam satu *team*. Dan, daripada sinilah sebenarnya kalau kita lihat kegagalan *team* ini, dalam masa selepas pilihan raya 2013, bahawa kita nampak lihat kegagalannya, berlaku rasuah.

Dan, saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat, sebagaimana kehendak rakyat, Bangsa Johor, kita nak dalam suasana rakyat yang betul-betul diberikan kepuasan dalam bentuk perumahan, dalam bentuk apa-apa, supaya perumahan dan sikap yang kepentingan, dok tanyalah ni, jangan susah, jangan susah hati, ni tengah tanya, di mana *Team Johor* mestilah benar-benar bersih, bukan sekadar dari segi Wakil Rakyatnya tetapi juga seluruh kakitangan kerajaan yang nak bawa kerajaan kita supaya lebih telus dan bersih. Jadi, soalnya, adakah kemampuan dari semua pihak khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersedia menyatakan, membuat apa ni, pengisytiharan harta kepada semua kakitangan penting dan juga EXCO dan Wakil Rakyat. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Sebenarnya, Yang Berhormat Parit Yaani ni, dia tak tahu apa benda, dia nak *landing* pun dia susah. (Dewan ketawa). Tapi, saya nak beritahu bahawa usaha-usaha kita untuk mencapai kejayaan dan kemajuan tidak berlaku secara automatik. Dalam perjalanan kita seperti yang telah saya katakan, kita akan menghadapi banyak cabaran. Tetapi tu, tak akan mematahkan semangat kita, itu yang membezakan kita dengan Yang Berhormat. (Dewan bertepuk). Cabaran global, masalah kejatuhan wang ringgit tak mematahkan semangat kita untuk terus bekerja mencari penyelesaian.

Dan, amat malang dekat sini saya terpaksa terangkan, antara Bangsa Johor dengan, makna Bangsa Johor dengan 'Team Johor'. Apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa sudah cukup ada Bangsa Johor tak payah 'Team Johor' maknanya jelas Yang Berhormat memang tak nak *join* 'Team Johor'. Terima kasih. Bangsa Johor, semua orang Bangsa Johor tetapi 'Team Johor' ialah mereka yang bersetuju dan memegang aspirasi, objektif bersama untuk majukan Johor. Jadi, terima kasihlah Yang Berhormat kerana terangkan kepada kita Yang Berhormat memang tak nak jadi sebahagian 'Team Johor'. Memang, Yang Berhormat, Bangsa Johor tapi memang tak nak jadi 'Team Johor', perkara yang saya ingat tak payah disuluh dah jelas.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**YB Speaker :** Jemput.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada terangkan bahawa 'Team Johor' adalah satu *subset* kepada Bangsa Johor. Kita perlu faham bahawa Bangsa Johor ni menjunjung tinggi nilai-nilai murni, khasnya integriti dan kejujuran, amanah, ikhlas. Jadi, soalnya, adakah 'Team Johor' segala yang dilakukan oleh 'Team Johor' ini sejajar dengan nilai-nilai murni ni? Adakah taktik-taktik kotor politik yang dilakukan, yang berlaku di negeri Johor ni, yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan parti pemerintah ini, juga sebahagian daripada 'Team Johor'? Bagi satu contoh, pemindahan pemilih di pejabat Bahagian UMNO Pasir Gudang, yang mana di antaranya, ada yang, ada yang menyerupai saudara mara Yang Amat Berhormat Menteri Besar? Adakah ini juga kerja-kerja 'Team Johor'?

**YB Speaker :** Lari soalan tu.

**YAB Menteri Besar :** Tak apalah, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. Saya ambil soalan itu.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tak lari, tak lari.

**YAB Menteri Besar :** Pertama, saya nak jelaskan, saya memang tak ada rumah di Johor ini. Jadi, saya guna alamat Pusat Khidmat saya, apa masalahnya untuk saya dihubung di situ. Dan, keluarga saya melihat kerana itu tempat saya dan adik beradik saya nak sokong saya, takkan itu pun tak boleh. Dia bukan penghuni hantu. Kalau katakan itu, ia ini permohonan nak daftar, kena faham, permohonan nak daftar, kalau rasanya bahawa itu tak sesuai, proteslah di kawasan itu. Tapi, tak ada siapa pun protes. Jadi, nak salahkan siapa, salah Yang Berhormatlah, kalau rasa tak betul pergilah protes di sana, bukan cakap dalam laman web.

**YB Speaker :** Yang Berhormat Jementah, jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 2.

Nyatakan rasional-rasional berkenaan dengan penambahan deposit bil air? Adakah ia akan dikaji semula?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Skudai, jemput.

**YB Dr. Boo Cheng Hau (Skudai)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 3.

Apakah rasional-rasional bagi SAJ Holdings Berhad untuk menambahkan deposit pengguna?

**YB Encik Chua Wee Beng (Bentayan)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 4.

Adakah SAJ akan memberikan rebat bunga ke atas cagaran (deposit) yang dibayar oleh pengguna seperti yang dilaksanakan oleh TNB?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Jorak, jemput.

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Salleh (Jorak)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 5.

Banyak rungutan rakyat Johor terhadap kenaikan bayaran cagaran bil air. Apakah terlalu perlu kenaikan ini dan berapakah anggaran hasil yang dapat di kumpul?

**YB Speaker** : Jemput, EXCO.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat ADUN Kawasan Jementah, Yang Berhormat ADUN Kawasan Skudai, Yang Berhormat ADUN Kawasan Bentayan dan Yang Berhormat ADUN Kawasan Jorak secara bersekali.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerajaan negeri melihat pelbagai sudut apabila berdepan dengan isu deposit air yang dilaksanakan baru-baru ini. Bekalan air di negeri ini sudah menjangkau 99.7% liputan. Hampir keseluruhan rakyat menikmati bekalan air yang berterusan dan berkualiti. Namun, nikmat ini kalau tidak selari dengan sikap pengguna maka lama kelamaan ianya akan menjadi liabiliti yang rakyat akan tanggung pada masa hadapan. Kerajaan juga dalam masa yang sama melihat kemampuan semasa rakyat dan sejauh mana kerajaan hari ini menterjemahkan hasrat dalam membantu kemampuan itu tanpa menggugat Gagasan Johor Berkemajuan yang kita sasarkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian semula deposit air ini dilaksanakan mengikut Peruntukan Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air, Deposit, Fee dan Caj Perkhidmatan Air 2014. Di bawah Akta Perkhidmatan Bekalan Air 2009, yang menyebut deposit yang kena bayar hendaklah dikaji semula secara tahunan iaitu pada 31 Januari bagi kategori premis kediaman dan setiap 6 bulan iaitu pada 31 Januari dan 31 Julai bagi kategori komersil dan industri. Sungguhpun demikian, premis-premis sosial seperti tempat-tempat ibadat, dewan komuniti, institusi kerajaan dan organisasi tanpa untung adalah dikecualikan daripada kajian semula ini. Ini bermakna semua negeri termasuklah negeri Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan juga perlu mematuhi keperluan ini dengan pemahaman bahawa penetapan deposit haruslah mempunyai asas perkiraan bagi menjadikan ianya munasabah dan berintegriti.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, keadaan semasa adalah premis-premis lama tidak pernah dikaji semula depositnya, yang mana masih mempunyai deposit hanya RM5.00 atau RM10.00 berbanding penggunaan yang tinggi. Keadaan ini memperlihatkan suatu pelaksanaan berkenaan bil yang tidak setara dan tidak seragam. Maka, formula penetapan deposit dilaksanakan dengan mengambil kira purata penggunaan bulanan bagi tempoh 12 bulan X tariff sedia ada X 2. Bagi akaun-akaun komersil dan industri pula, formulanya adalah purata penggunaan bulanan bagi tempoh 6 bulan X tariff sedia ada X 2. Formula-formula ini jelas memperlihatkan asas perkiraan didasarkan kepada penggunaan air sesuatu akaun.

Ini bermakna, sekiranya pengguna berjaya dalam usaha penjimatan maka deposit mereka juga akan turut berpotensi berkurangan. Maka, sebab itu kita tidak mengatakan langkah-langkah air ini sebagai penambahan deposit tetapi kajian semula deposit kerana tidak semua akaun terbabit, tidak semua. Kita mempunyai akaun sebanyak 1.12 juta tetapi yang terlibat dalam kajian semula deposit ini hanyalah 383,085 akaun sahaja ini bererti hanya 34.19%. Itu yang dimaksudkan bahawa kajian semula deposit ini tidak melibatkan semua pemegang akaun hanya mereka-mereka yang masih lagi mempunyai deposit pada kadar RM5.00 atau RM10.00. Sementara, pemajuan-pemajuan yang baru ini, sejak tahun, awal 2,000 lagi, deposit mereka adalah hampir selaras dengan apa yang dibuat dalam kajian semula deposit.

Kerajaan juga melihat sudah tiba masanya untuk melaksanakan Amalan Pengurusan Permintaan Air ini, *Water Demand Management* dengan izin, di peringkat pengguna. Mengikut rekod, rakyat Johor masih lagi mengguna sebanyak 211 liter per kapita sehari berbanding negara-negara maju yang kekal menggunakan sebanyak 150 liter sehari seperti di Singapura atau 160 liter sehari bagi negara-negara di rantau Eropah. Oleh itu, rakyat harus lebih peka terhadap penggunaan airnya, agar kita bukan hanya dapat menjimatkan perbelanjaan harian, malah dapat membantu memanjangkan jangka hayat simpanan bekalan air kita.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, SAJ sebagai pelaksana kajian semula deposit ini juga mengamalkan pendekatan yang terbuka terhadap isu kajian deposit air ini. Sebab itu, pintu perbincangan senantiasa terbuka untuk memberi pemahaman dan pertimbangan yang sewajarnya. Sekiranya, terdapat perbezaan yang besar dalam kenaikan deposit ini, semakan terperinci akan dilakukan bagi memastikan kenaikan bil-bil yang tinggi adalah disebabkan penggunaan harian, bukan disebabkan kebocoran paip dan sebagainya.

Perlaksanaan ini juga menyebut jika deposit sedia ada pula melebihi dari nilai deposit baru, maka jumlah lebihan deposit akan dimasukkan ke dalam akaun pengguna pada bil yang berikutnya. SAJ juga tidak mengenakan deposit melebihi RM100.00 bagi pengguna-pengguna di rumah-rumah flat atau rumah-rumah kos rendah.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adalah digalakkan supaya pemegang-pemegang akaun SAJ supaya menyemak dan berbincang dengan pegawai-pegawai SAJ untuk penjelasan dan pertimbangan-pertimbangan yang mana boleh sekiranya terdapat kekeliruan. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengingatkan supaya pengguna bekalan air di negeri ini bahawa mereka mempunyai hak terhadap deposit yang dibayar kepada SAJ. Di mana mereka berhak mendapat balik wang

deposit itu sekiranya menamatkan perkhidmatan SAJ. Bagi SAJ penerimaan wang deposit ini adalah sebagai wang amanah tanpa faedah yang akan dipulangkan kelak kepada pengguna. Sementara itu, gesaan dan keluhan rakyat tetap didengar oleh kerajaan. Kerajaan yang mengambil pendekatan Team Johor ini. Sedar untuk memulakan usaha penjimatan bekalan air, rakyat juga memerlukan insentif. Maka kerajaan dengan Team Johornya memutuskan untuk membantu menanggung kenaikan deposit air yang tidak melebihi RM100.00. Inilah dia Team Johor, Yang Berhormat Tan Sri Speaker. (Dewan bertepuk).

Bantuan ini berjumlah kira-kira RM10.6 juta dibelanjakan duit kerajaan. Dan, mekanisme perlaksanaannya adalah sedang diuruskan oleh pihak SAJ. Terima kasih.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan tambahan saya adalah saya mengucapkan terima kasih dengan usaha kerajaan menyediakan RM10 juta untuk menolong penggunaan domestik yang tidak melebihi kenaikan deposit di bawah RM100.00. Tetapi apa yang saya dapati adalah pengguna domestik tetapi mereka tinggal di kedai bertingkat. Mereka dikenakan caj deposit yang tinggi sehinggalah RM300.00. Bagi pandangan saya, pengguna, penduduk yang duduk di bangunan komersial ini mereka bukan peniaga dan mereka tidak melibatkan penggunaan air yang banyak. Sebab itu kenaikan yang mendadak ini akan menyebabkan satu tanggungan yang besar kepada penduduk-penduduk yang duduk di bangunan kedai bertingkat. Dan, kalau di bawah perlindungan bantuan kerajaan Johor bahawa bantuan itu disalurkan kepada pengguna yang deposit tidak melebihi kenaikan deposit tidak melebihi RM100.00 tetapi perlindungan pengguna ini mereka punya kenaikan deposit sudah melebihi RM100.00. Sebab itu adalah tidak munasabah bagi mereka untuk menanggung kenaikan deposit yang mendadak secara ini. Sebab itu, saya ingin mendapat keterangan daripada Datuk EXCO bahawa adakah kerajaan juga akan mengambil pertimbangan yang sewajarnya dan memberikan bantuan kepada pengguna domestik. Tetapi mereka menduduki di bangunan kedai bertingkat seperti Menteri Besarlah. Kalau mereka boleh mendapat bantuan, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri Johor. Sekian, terima kasih.

**YB Speaker :** Jemput, faham ni? (Dewan ketawa).

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah :** Faham Yang Berhormat. Walaupun saya ADUN Benut tapi kampung saya Pekan Nenas. Jadi, biasa dengan suara ADUN Pekan Nenas ni, cara dia bercakap.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya percaya kalau premis yang diduduki oleh Yang Amat Berhormat pun kurang daripada RM100.00 dia juga akan dapat menerima skim yang dibantu oleh kerajaan. Saya kira kita adalah berhadapan dengan isu yang berbeza. Rumah kedai adalah bangunan komersial. Jadi, sewaktu permohonan untuk mendapatkan bekalan air, pemohon jelas apakah kategori permohonan tersebut. Jadi, sekiranya Yang Berhormat Pekan Nenas menggambarkan bahawa kedudukan keluarga yang duduk di rumah kedai ini perlu juga seperti rumah-rumah kediaman yang lain, maka itu saya akan serahkan kepada Kerajaan Tempatan untuk menetapkan peraturannya.

Dari segi, pembekal air, kita sudah pun bersetuju bahawa kategori-kategori premis dikenakan deposit dan juga caj air yang berbeza, itu satu. Kedua, Yang Berhormat,

sepertimana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan mengambil langkah supaya kita mengamalkan *demand management*. Dengan itu, kita akan lebih menekankan kepada pihak-pihak yang berusaha untuk menjimatkan penggunaan air. Dan, ini harus bermula di sini dan bermula sekarang. Kita tidak boleh melewatkan usaha untuk menguruskan air ini secara permintaan. Kerana kita dapat melihat bahawa perubahan iklim, perubahan cuaca, kos bagi membekalkan air yang bersih semakin hari semakin meningkat.

Jadi, maka itu kita tidak ada pilihan lain selain daripada kita berusaha untuk memastikan supaya pengurusan bekalan air terawat ini dapat kita usahakan, dapat kita uruskan sebaik-baik yang mungkin. Jadi, dengan itu kita membantu mereka yang dikenakan tambahan deposit tidak melebihi RM100.00 kerana yang melebihi RM100.00 itu, melihat kepada kajian yang dibuat ianya menunjukkan bahawa penggunaan air yang amat berlebihan. Jadi, ini adalah satu cara di mana pendekatan untuk membantu itu boleh dijadikan sebagai satu dorongan supaya rakyat terus berjimat mengguna air. Kita bantu deposit itu sebagai langkah insentif kepada mereka. Ha, ini yang lebih penting Yang Berhormat.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Penggaram, jemput.

**YB Puan Gan Peck Cheng (Penggaram)** : Terima kasih kepada Tan Sri Speaker. Soalan saya, sebab saya telah hubungi dengan pihak SAJ bahawa pengumuman yang telah dibuat oleh kerajaan menanggung bayaran deposit air pengguna yang kenaikan yang tidak melebihi RM100.00 untuk akaun rumah kediaman. Jadi, SAJ memberitahu mereka tidak sampai sekarang tiada apa-apa yang mengenai umuman ini, mereka tidak dapat apa-apa maklumat daripada kerajaan negeri Johor. So, saya nak tanya juga jikalau golongan yang tidak berkemampuan ini tidak membayar deposit, mereka bayar bil sahaja SAJ memberitahu sekiranya mereka membayar bil, duit yang dibayar automatik akan ditolak sebagai deposit. Jadi, kemungkinan besar akan mengakibatkan pelanggan-pelanggan SAJ ini, perkhidmatan bekalan air mereka dipotong. Jadi, saya nak minta penjelasan daripada EXCO bahawa agak berapa lama negeri Johor untuk mengambil masa sesuai untuk selesaikan masalah ini?

**YB Speaker** : Ok.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kalau saya faham maksudnya ialah kekeliruan di pihak pengguna apabila berhadapan dengan bil yang tinggi dan apabila pengguna dapatkan penjelasan daripada SAJ bukan hanya terhadap bil yang tinggi tetapi juga ada yang menyuarakan satu pengenaan yang mengejut, ada yang kurang jelas terhadap bagaimana kenaikan itu boleh berlaku begitu ketara. Ini adalah merupakan beberapa persoalan yang berbangkit di pihak pengguna. Sebab itu saya katakan dalam jawapan awal saya bahawa pihak SAJ mengamalkan sikap yang terbuka, saya telah meminta supaya pegawai-pegawai mengambil masa untuk menjelaskan kepada pengguna terhadap kajian semula deposit yang dilakukan akhir-akhir ini. Tapi saya tidak menafikan bahawa terdapat juga kelemahan-kelemahan dalam kebolehan untuk menjelaskan kepada pengguna tapi saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kajian semula deposit ini akan mengambil kira cadangan-cadangan daripada pengguna sekiranya deposit itu terlalu tinggi, maka mereka bolehlah mencadangkan kaedah bayaran supaya tidak membebankan pengguna-pengguna.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejak kajian semula deposit ini dilakukan pada bulan lepas, pungutan bayaran bil-bil air masih lagi berada pada tahap melebihi 99%. Jadi, ini bererti bahawa rakyat secara umumnya memahami dan apabila kerajaan negeri mengambil langkah untuk membantu mereka yang perlu membayar RM100.00, maka itu merupakan satu lagi kelegaan kepada rakyat di mana mereka melihat bahawa ini merupakan pendekatan di mana kerajaan memahami bahawa kos sara hidup yang meningkat memerlukan sedikit sebanyak juga selain daripada insentif lain merupakan pendekatan yang akan dapat membantu rakyat. Terima kasih.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Pemanis, jemput.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya nombor 6 dan 7.

Soalan 6

Sejauh manakah Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Muar di Segamat memberi impak terhadap situasi banjir yang dihadapi pada Januari 2017 dan berikan ulasan menjurus berkenaan kawasan Kg Jawa, Kg Abdullah dan Kg. Tengah.

Soalan 7

Dalam 15 tahun lepas, berapa kalikah (termasuk tarikh, masa berlaku dan tempoh masa) Sungai Segamat di Bandar Segamat mengalami peningkatan air melebihi paras bahaya. Selain daripada hujan lebat, apakah faktor lain yang boleh menyebabkan paras air sungai tersebut naik?

**YB Speaker** : Yang Berhormat Jementah, jemput.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan nombor 8.

Nyatakan sebab-sebab banjir masih melanda Segamat pada bulan Januari 2017 walaupun projek tebatan banjir yang membelanjakan ratusan juta ringgit telah dilaksanakan? Apakah kekurangan-kekurangan yang perlu diperbaiki bagi meminimumkan risiko banjir berlaku lagi di Segamat?

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Rancangan Tebatan Banjir Segamat terdiri daripada 6 pakej yang secara keseluruhannya telah pun siap walau pun sebahagiannya masih lagi dalam tempoh kecacatan. Objektif bagi sesebuah projek Rancangan Tebatan Banjir khususnya di daerah Segamat adalah untuk mengurangkan risiko banjir iaitu pengurangan sebanyak 42% keluasan banjir, 49% bangunan terjejas dan 1.1 meter kedalaman air banjir, dengan menyediakan tahap perlindungan banjir untuk 100 tahun *average recurrence interval* (ARI) di Bandar Segamat dan kawasan sekitarnya.



Penggalian dan pembesaran Sungai Segamat, Sungai Jordan, Sungai Genuang serta lencongan banjir di Kampung Jawa dapat mempercepat pengaliran air ke Sungai Muar dan dapat mengurangkan risiko banjir walaupun projek keseluruhan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muar belum siap sepenuhnya. Kejadian banjir di daerah Segamat telah berlaku pada 23, 24 dan 25 Januari 2017 yang lepas, adalah disebabkan hujan lebat yang berterusan. Bacaan hujan lebat ini telah mencatat melebihi 200 mm sehari dengan kenaikan mendadak air Sungai Segamat secara purata adalah 0.20 m sejam.

Selain daripada faktor hujan lebat, terdapat beberapa faktor lain yang menyebabkan paras air sungai naik sehingga berlaku banjir di bandar Segamat. Antaranya berlaku limpahan air dari Empangan Juaseh melalui struktur alur limpah, menambahkan lagi kuantiti air di sungai. Yang kedua, laluan air telah tersekat di bahagian bandar Segamat yakni berdekatan jambatan dan menyebabkan air melimpah ke kawasan sekitar. Yang ketiga, kenaikan aras air di Sungai Muar. Hujan lebat di bahagian hulu Sungai Muar seperti di Kampung Awat, Gemas dan lain-lain menyebabkan air Sungai Segamat tidak dapat mengalir keluar dengan lancar.

Berdasarkan kepada perbandingan data banjir daerah Segamat tahun 2011, berdasarkan pemerhatian di tapak, air banjir dari Segamat kebiasaannya akan mengambil masa antara 3 hingga 4 hari ke Bukit Kepong. Namun pada kejadian banjir Januari 2017 yang lalu, ia telah sampai dalam tempoh kurang dari sehari. Air banjir di bandar Segamat pula susut ataupun surut dalam tempoh 24 jam pada Januari 2017 berbanding 47 jam pada tahun 2011 yang lalu. Paras air tertinggi dicatatkan di bandar Segamat adalah 11.9 meter pada Januari 2017, berbanding 12.92 meter pada tahun 2011 yang lalu. Ini bermakna berlaku penurunan kedalaman banjir sebanyak 1.02 meter, walaupun curahan hujan pada Januari 2017 adalah lebih tinggi berbanding dengan 2011.

Selain itu, keluasan kawasan banjir berkurangan sebanyak 38.7% iaitu 1,624.29 hektar terjejas ketika kejadian banjir pada Januari 2017 berbanding 2,650 hektar pada tahun 2011. Dan untuk makluman juga, bilangan mangsa banjir yang direkodkan adalah 7,301 orang pada tahun 2017 berbanding 10,286 orang pada tahun 2006 dan 21,156 orang pada tahun 2011. Kawasan Kampung Abdullah tidak mengalami banjir pada Januari 2017 berbanding pada tahun 2011. Hanya kawasan Kampung Jawa dan Kampung Tengah mengalami banjir dan air didapati surut lebih cepat berbanding dengan 2011. Paras bahaya bagi Sungai Segamat di bandar Segamat adalah 9.14 meter. Sejak 15 tahun yang lepas, sebanyak 5 kali kejadian banjir berlaku, di mana paras air Sungai Segamat di kawasan Bandar Segamat melepasi paras bahaya. Berikut adalah maklumat paras bahaya Sungai Segamat mengikut tahun, 2003 pada tarikh 20 Januari, pada pukul 4, paras air 10.82 meter; 2006 pada tarikh 20 Disember, pada pukul 10 pagi, 12.67 meter; pada 2007, 10 Disember, pada pukul 9 malam, 11.48 meter; 2011, 31 Januari, pada pukul 4 pagi, 12.92 meter; dan pada tahun 2017, 24 Januari, pada pukul 8 malam, 11.90 meter.

Hasil daripada pemerhatian di bandar Segamat dan kawasan sekitarnya, beberapa penambahbaikan perlu dibuat untuk menjadikan RTB Segamat benar-benar berkesan dan meminimumkan risiko banjir iaitu:

1. RTB Lembangan Sungai Muar dari Kampung Jawa ke FELDA Medoi, daerah Segamat, Johor Darul Ta'zim yang melibatkan pembinaan ban sepanjang 12 km dan lain-lain struktur;

2. Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Muar di Sungai Kenawar daerah Segamat, yang melibatkan pembinaan ban sepanjang 4 km dan juga lain-lain struktur;
3. Menaik taraf Sungai Muar, dari Sungai Segamat ke Pekan Buloh Kasap, Segamat; dan
4. Pelebaran jambatan KTMB Sungai Genuang.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Encik Lau Chin Hoon (Pemanis)** : Terima kasih Tan Sri Speaker. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Pemanis ucapkan tahniah kepada jawapan EXCO kerana pada keseluruhannya walau telah diuji dan dicuba sebegitu banyak kali, pada kali inilah walaupun dilanda banjir sekali lagi, pada keseluruhannya warga Pemanis rasa projek tebatan banjir ini telah ambil kesan. Walaupun kita rasa terkilan, mereka yang dalam kawasan banjir 2, 3 kaki pun mengakui bahawa projek tebatan ini telah berhasil. Mereka yang tak kena air tu, yang hidup dalam dunia internet tu sentiasa masih mempertikaikan projek ini, hanya kita rasa memang sukar untuk menjelaskan bahawa segala projek kejuruteraan, segala projek dalam bentuk kebendaan itu memang bukanlah sesuatu yang mutlak. Saya daripada latar belakang sains dan teknologi itu, kita percaya adanya dengan izin *assumption* tertentu. Contohnya kalau projek ini, nak buat *assumption* bahawa untuk menahan apa, hujan seratus tahun, maka ini perlu ambil kira dan juga tiada projek tebatan banjir yang boleh mutlak, dikatakan boleh menghapuskan banjir sama sekali.

Untuk maklumat Dewan, DUN Pemanis yang saya cintai ini, dalam banjir 2006, saya ada 4.5 ribu keluarga yang kena jejas. Kalau banjir kira banjir Segamat, biasanya lebih 50% mangsa datang daripada DUN Pemanis. Untuk banjir 2011, Pemanis ada 4,000 juga, lebih kurang 4,600 keluarga ya. Bukan jumlah bilangan mangsa, keluarga. Dan, dalam banjir baru-baru ini, 2017 Januari, ada 1,100 keluarga yang daftar pindah di 16 pusat yang dikendalikan oleh JPM DUN. Jadi, saya ambil kesempatan ini untuk ucapkan ribuan terima kasih kepada jentera kerajaan dan juga jentera-jentera akar umbi yang menjayakan proses pengurusan banjir. Hanya saya harap pihak kerajaan akan memberi suntikan dana untuk memperbaiki atau menyokong usaha pengurusan banjir di kawasan DUN Pemanis, tak lupa juga untuk memberi bantuan kepada mangsa banjir yang betul-betul disahkan sah kedudukannya.

Jadi, soalan saya ialah bagaimanakah bila walaupun kawasan yang paling teruk terjejas ialah DUN Pemanis, kita pun dapat gambaran bila air cepat alir keluar daripada kawasan Kampung Abdullah dan Kampung Jawa, bagaimana kawasan seterusnya di sebelah kereta api? Contohnya di sebelah DUN Kemelah itu akan dapat dikurangkan impaknya juga? Dan, bagaimana projek tebatan banjir yang pernah di rancangkan di sebelah lepas Chodan itu akan dilaksanakan? Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, dia dah bersyukur tu tak payahlah tanya soalan-soalan lagi. Kita dah

bantu dia banyak dah. Habis tu dia nak tolong kawasan saya di Kemelah. Dan, kita akan selesaikanlah seperti yang dirancang.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Nusajaya, jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Haji Abu Bakar (Nusajaya)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, soalan saya soalan nombor 9.

Apakah cara usaha-usaha yang perlu diambil oleh seluruh rakyat Johor untuk menjayakan ‘Gagasan Johor Berkemajuan’?

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Nusajaya tentang usaha-usaha yang perlu diambil oleh seluruh rakyat Johor untuk menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan. Secara asasnya Johor Berkemajuan adalah satu gagasan besar yang bukan sahaja berfokus kepada kemajuan ekonomi negeri tetapi juga turut menyentuh soal sikap dan cara pemikiran Bangsa Johor yang kita mahu wujudkan. Kerana kita percaya dalam konteks peradaban moden, kita tidak seharusnya menumpukan kepada usaha menjadi negeri maju sahaja, tetapi pemikiran budaya dan sahsiah anggota masyarakat kita juga mestilah maju dan progresif.

Untuk menjawab soalan ini, saya ingin merujuk dan menegaskan kembali Amanat Tahun 2017 yang saya sampaikan awal tahun ini. Di dalam Amanat tersebut, saya telah menggariskan secara spesifik 4 perkara yang harus menjadi fokus kita dalam menjayakan Johor Berkemajuan.

1. Ia mestilah dijayakan oleh ‘Team Johor’. Selain daripada penerangan saya sebentar tadi bila menjawab soalan nombor 1, kita juga perlu membudayakan ilmu dan penambahbaikan kapasiti diri secara konsisten di Johor. Johor mesti menjadi *a learning society*, dengan izin, tidak kiralah apa sektor dan di peringkat mana sekalipun perlu ada dalam diri setiap ‘Team Johor’ semangat untuk terus memajukan diri. Kejayaan adalah milik mereka yang sentiasa bekerja keras, bukannya mereka yang terlalu cepat berpuas hati atau mudah berputus asa. Kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, lihat dan pekalah dengan pelbagai skim yang kerajaan negeri mahupun pihak swasta tawarkan di Johor ini. Sampaikan kepada orang ramai di luar sana agar mereka semua merebut peluang untuk memajukan diri kerana inilah sikap setiap anggota dalam ‘Team Johor’.
2. Inovasi dan teknologi mesti menjadi *catalyst* pelaksanaannya. Kita akan gagal sebagai sebuah kerajaan, sebuah masyarakat dan sebuah bangsa, jika kita gagal memanfaatkan sains, teknologi dan inovasi dalam melaksanakan mandat kita. Begitulah juga dalam usaha menjayakan Johor Berkemajuan ini, kita mesti mengoptimumkan kepakaran dan penggunaan inovasi dan teknologi. Kerana kita sekarang hidup dalam zaman *the decade of science* atau dekad sains, dengan izin. Di pihak kerajaan negeri sendiri, transformasi paling penting yang mesti kita laksanakan sebagai permulaan ialah melakukan anjakan ke arah kerajaan digital. Kita percaya sistem kerajaan Johor mesti dipacu sepenuhnya dengan teknologi termaju yang merujuk kepada 4 perkara:
  - a. Penggunaan media sosial dengan radikal;

- b. Memanfaatkan pelbagai *mobile technology* atau teknologi bergerak dan tanpa wayar;
- c. Mempertimbangkan aplikasi *cloud computing*, dengan izin;
- d. Penggunaan sistem *analytic* dan *big data*, dengan izin.

Keempat-empat elemen ini apabila dilaksanakan dengan baik akan berupaya melonjakkan negeri Johor sebagai sebuah kerajaan negeri Johor, sebagai sebuah kerajaan digital sekaligus menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan.

3. Untuk menjayakan Johor Berkemajuan, ekonomi Johor meski digiatkan termasuk menganjakkannya kepada ekonomi digital. Tanpa pertumbuhan ekonomi yang mampan, Johor Berkemajuan hanya akan menjadi retorik politik. Sebab itulah selain akan merencanakan implementasi Pelan Pertumbuhan Strategik Negeri Johor, kita akan memfokuskan kepada ekonomi digital dan membuat persediaan untuk ekonomi masa hadapan atau dengan izin, *economy of the future*. Dalam aspek ini, masyarakat di luar sana boleh terlibat untuk menjayakannya dengan beberapa perkara, cara. Misalnya, memastikan mereka mengambil peluang dalam perkembangan ekonomi digital yang menyaksikan banyak pelaburan dan penggerak ekonomi sudah beralih perlahan-lahan daripada syarikat-syarikat besar kepada individu-individu yang kreatif dan inovatif. Selain itu, masyarakat kita juga mesti berusaha melonjakkan aktiviti ekonomi mereka untuk tidak hanya terhad dalam lingkungan Johor semata-mata. Tetapi kita mesti berani untuk menembusi pasaran global dan membina nama di peringkat antarabangsa.
4. Untuk menjayakan Johor Berkemajuan, segalanya mesti berdasarkan prestasi dan pencapaian. Prestasi ini tidak hanya merujuk kepada aktiviti ekonomi dan bersikap komersil tetapi juga kerajaan dan sistem perkhidmatan awam kita. Kita mesti menjadi entiti yang mempunyai ketelusan dan pertanggungjawaban. Cara terbaik untuk memastikan pertanggungjawaban menjadi budaya kita ialah dengan meletakkan petunjuk dan pengukur prestasi yang sesuai dan selari dengan amalan terbaik antarabangsa.

Kita tidak akan menjadi bangsa yang berkemajuan, jika kita tidak mempunyai fokus dan objektif yang jelas dalam bekerja. Saya berharap penjelasan ini akan sedikit sebanyak membantu kita semua menyusun ikhtiar untuk beranjak menjadi masyarakat digital, ekonomi digital serta kerajaan digital yang akan seterusnya membantu menjayakan Johor Berkemajuan. Namun, segala apa yang saya nyatakan ini hanyalah sekadar panduan dan saranan ringkas. Pasti, terdapat lebih banyak saranan yang baik di pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat semua. Jadi, sekali lagi saya ingin menjemput semua untuk turut serta dalam usaha yang baik ini.

**YB Speaker** : Jemput.

**YB Dr. Haji Zaini bin Haji Abu Bakar (Nusajaya)** : Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, juga Nusajaya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar di atas penerangan dan penjelasan mengenai Gagasan Johor Berkemajuan. Soalan tambahan saya adalah sama ada kerajaan negeri Johor ingin memperkenalkan konsep Gagasan Johor Berkemajuan di peringkat pelajar-pelajar maksudnya di sekolah menengah atau belia-belia di institusi, di kolej-kolej IPTA, IPTS secara informal sebab supaya mereka dapat

memahami, dapat menjiwai dan dapat membudayakan, sebab apa merekalah yang akan menjadi pemimpin-pemimpin di masa akan datang. Terima kasih.

**YB Speaker** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat Nusajaya, pertama saya ingin nyatakan bahawa secara tidak langsung dalam hubungan kita dengan pelbagai pihak terutama dengan pelajar-pelajar di institusi dan juga di semua peringkat daripada sekolah hinggalah ke peringkat institusi pengajian tinggi, memang antara perkara yang kita perkenal dan perjelaskan kepada khususnya masyarakat Johor di situ ialah dari segi soal Gagasan Johor Berkemajuan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Nusajaya sebentar tadi.

Selain daripada itu, secara berfokus dan secara formal bersama-sama dengan Jabatan Pendidikan Negeri, kita memang mempunyai program khusus untuk pelajar-pelajar kita di Johor ini, apa yang kita panggil sebagai Program Karakter Muda Anak Johor, Karakter Murid Johor. Jadi, apakah karakter, ciri-ciri yang perlu ada dan ia selari dengan matlamat kita menjayakan Gagasan Johor Berkemajuan.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja soalan-soalan yang dapat kita jawab pada pagi ini. Mana-mana soalan yang belum dijawab akan disenaraikan untuk dijawab dalam Dewan ini pada hari ini.

**Jurutulis** : **SOALAN-SOALAN BERTULIS.**

Jawapan kepada soalan-soalan bertulis oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat ada dibentangkan di atas meja mesyuarat.

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Jurutulis ada menerima satu rundingan daripada Yang Berhormat Pekan Nenas bertarikh 1 Mac 2017, berhubung menubuhkan sebuah Jawatankuasa Terpilih Dewan Negeri bagi memantau siasatan skandal rasuah penyelewengan tanah di Johor di bawah Peraturan Tetap Bilangan 30(2) Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri Johor.

Dalam saya meneliti rundingan tersebut, saya merujuk kepada Peraturan Tetap Bilangan 103, di mana Jawatankuasa Pilihan hendaklah dilantik dengan diadakan Rundingan dan Rundingan tersebut telah diterima oleh Jurutulis.

Seterusnya, saya juga perlu merujuk kepada Peraturan Tetap Bilangan 29 dalam membenarkan Rundingan tersebut itu diterima bagi dibuka untuk perbahasan. Pertama, ia adalah satu perkara yang tertentu dan mustahak kepada am dan perlu disegerakan. Jelasnya, ia memang adalah perkara tertentu dan mustahak perlu disegerakan. Namun, ia juga berkait dengan Peraturan Tetap Bilangan 45(vii) yang mana perkara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pekan Nenas itu masih berada di dalam timbangan undang-undang dan tidak boleh sekali-kali disebut. Kita sedia maklum bahawa siasatan sedang dijalankan oleh pihak SPRM dan kerajaan negeri telah memberi jaminan bahawa kerjasama sepenuhnya akan diberikan kepada SPRM. Oleh yang demikian, saya menolak Rundingan daripada Yang Berhormat Pekan Nenas tersebut.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap 32(viii) satu Rundingan yang mustahak, dan disokong oleh 10

orang ADUN yang berdiri di tempat masing-masing. Dan, saya berharap satu Rundingan boleh dijalankan untuk memastikan Menteri Besar memberi penerangan yang selanjutnya tentang...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Pekan Nenas duduk. Peraturan 45 (vii)...

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Pasir Raja, Rengit, duduk dulu. Biar Pekan Nenas habis baca dulu..

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : ... masalah skandal rasuah harta tanah kerana memandangkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kami dapati terdapat percanggahan dalam jawapan yang disediakan dalam Dewan yang mulia ini.

**YB Speaker** : Ok, duduk, duduk.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Dan, menurut Tan Sri Speaker, menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa 3,000 unit rumah yang kebanyakannya rumah murah kuota bumiputera.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Yang Berhormat Tan Sri

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat, kalau kita nak bangun...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila duduk semua.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya rasa itu sudah melibatkan...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat. Sila duduk semua.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya meminta Tan Sri memberi peluang kepada saya membentangkan satu Rundingan tergepar kerana ini juga merupakan satu peluang kepada Menteri Besar untuk memberi penerangan yang selanjutnya.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Pekan Nenas, Speaker suruh duduk, duduklah Pekan Nenas. Jangan jadi bodoh...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Pekan Nenas dia tak tahu Peraturan. Kena baca Peraturan Perkara 45...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Boleh menyumbangkan RM600 juta kepada...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini adalah di bawah...

**YB Encik Chen Kah Eng (Stulang)** : BN takut...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Kalau Speaker Dewan bercakap fasal Peraturan macam mana. Ini peraturanlah

**YB Speaker** : Yang Berhormat, tengok Perkara 47, apabila Speaker bercakap, ADUN yang berdiri kena duduk. Duduklah, Yang Berhormat.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Speaker cakap, duduklah. Bodoh.

**YB Speaker** : Walaupun saya nyatakan, tapi oleh sebab perkara ini sedang dalam pertimbangan dan siasatan oleh SPRM, kita tidak mahu mengganggu gugat siasatan tersebut, maka dengan sebab itu usul ini ditolak, ada sebabnya. Bukan sebab...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Amat Berhormat Menteri Besar ada...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Speaker cakap diamlah, duduklah.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Memberikan kenyataan yang mengelirukan. Bukankah itu juga mempengaruhi siasatan SPRM..

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya nak Yang Berhormat tegas, terhadap Peraturan Perkara 45, Perkara (vii) jelas.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Tabung Perumahan bumiputera. Ini bermakna...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Perkara 45, Peraturan-Peraturan Berbahas.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Ini rumah murah secara purata adalah...

**YB Speaker** : Kita bersidang dalam Dewan Negeri tau, ini bukan kedai kopi. Ikut Peraturan, Peraturan saya kata, saya tolak dengan sebab yang tertentu.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Pekan Nenas, faham Peraturan ke tidak?

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya hanya memberikan peluang kepada Menteri Besar untuk membuat penjelasan bukan apa...

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker** : Yang Berhormat kita menolak usul ini dengan bersebab. Bukan suka-suka hati nak menolak kerana dia dalam siasatan pihak SPRM kita tak mahu siasatan itu akan terganggu. Dengan sebab itu, kita biarkan SPRM menjalankan...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Pekan Nenas, duduklah. Tak faham Peraturan eh?

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya minta penjelasan daripada Menteri Besar tentang apa kenyataan yang dikeluarkan.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : ini betul-betul tak faham bahasa. Pekan Nenas, susahlah kalau ini macam Dewan.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Speaker, Yang Berhormat Pekan Nenas ni susahlah...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Duduk, duduk dulu.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang ditanya oleh ADUN Bukit Batu, menyatakan.

**YB Tuan Haji Suhaimi bin Salleh (Kukup)** : Pekan Nenas duduk. Ini bukan pasar. Ini Dewan.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker... Yang Berhormat Tan Sri Speaker... Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Adakah ini munasabah dan logik? Saya hanya tanya ini saja. Saya nak tolong Yang Amat Berhormat Menteri Besar menjelaskan isu ini.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya amat menyanjung tinggi, apa tindakan yang dibuat oleh Tan Sri Speaker. Hak telah diberi kepada pembangkang untuk mengetengahkan Rundingan, telah dijawab dan diterima oleh pihak Jurutulis. Pada masa yang sama, telah dijelaskan kenapa perlu diterima atau tidak diterima oleh pihak Speaker. Berdasarkan kepada 45(vii) sesuatu perkara yang masih berada dalam timbangan Undang-Undang tidak boleh sekali-kali disebut (Dewan tepuk meja). Dan tidak mungkin, dengar dulu. Pada masa yang sama...

**YB Speaker** : Yang Berhormat sekejap. Pekan Nenas baca tak Peraturan-Peraturan kita? Yang Berhormat, apabila saya bercakap ni, *you* dengarlah. Ini bukan kedai kopi, boleh bercakap, menyampuk tak tentu pasal. Ada Peraturan-Peraturan yang mesti digunakan. Dan, saya dah nyatakan tadi, perkara ini ditolak kerana bersebab benda ini dalam siasatan.

Di mana-mana negeri pun, di mana-mana negara pun, kes-kes yang dalam siasatan tidak boleh kita perbincangkan di luar daripada mereka. Ini sebab kita tolak usul ini bersebab bukan saja-saja nak tolak, tak. Saya dah nyatakan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, benda ini keperluan ramai, apa ini, semua sekali kita nyatakan. Tetapi oleh sebab benda ini dalam siasatan, maka kita tak dapat nak campur urusan siasatan ini takut tertanggung. Biarlah SPRM menjalankan kerja-kerja dia. Akhirnya nanti, kita akan tahulah apabila benda ini sampai ke peringkat-peringkat yang tertentu.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Keputusan Speaker, muktamad.



**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Peraturan Tetap 50.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Kenapa di Pulau Pinang, tak buat Jawatankuasa. Apa pasal Lim Guan Eng tak berhenti.

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap 50(3) mana-mana Ahli Dewan yang degil kita halau keluar aje.

**YB Speaker** : Ok, ok.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker...

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, adakah Tabung Perumahan Bumiputera...

**YB Speaker** : Pekan Nenas.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Tabung Perumahan Bumiputera juga terlibat dalam skandal ini? Tanya tentang Tabung untuk menjelaskan isu ini.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Ini bukan berbahaslah. Jangan jadi bodoh sangatlah Pekan Nenas.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Adakah Tan Sri Speaker, bermakna Tabung Perumahan Bumiputera juga terlibat dalam isu skandal inilah?

**YB Speaker** : Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita ikutlah Peraturan-Peraturan. Kita Ahli Yang Berhormat, bukan boleh langgar buta macam itu, Peraturan-Peraturan harus digunakan. Jurutulis, jemput teruskan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Peraturan Tetap. Tan Sri Speaker.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol)** : Tan Sri Speaker, Peraturan Tetap. Tan Sri Speaker. Sebenarnya Tan Sri Speaker, tadi saya...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, Yang Berhormat Mengkibol. Perkara ini sudah diputuskan. Tak payah dibangkitkan lagi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang Berhormat Mengkibol, duduk, duduk.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Mengkibol tak hormat langsung keputusan Speaker.

**YB Datuk Haji Samsol Bari bin Jamali (Semarang)** : Tak, Mengkibol dah jalankan tugas, kita terima.

**YB Speaker** : Yang Berhormat Mengkibol, benarkan saya menjalankan tugas mengikut Peraturan-Peraturan. Ok, duduk. Saya minta Yang Amat Berhormat Menteri Besar membawa Rundingan berkenaan undang-undang. Boleh tak Yang Berhormat? Ini ada perkara yang lebih besar daripada itu lagi.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Mengkibol cakap Peraturan, tapi dia tak ikut Peraturan, Tan Sri Speaker.

**YB Speaker** : Saya pun menggunakan Peraturan juga. Jadi, patuhlah kalau ikut Peraturan, Yang Berhormat, patuhlah keputusan Yang Berhormat Speaker, Perkara 46(4), Yang Berhormat, baca Perkara 46(4), keputusan Speaker itu muktamad dan harus diikuti, selesai, duduk, Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Ping (Mengkibol)** : Perkara lain, Tan Sri Speaker. Perkara lain.

**YB Speaker** : Yang Berhormat sekarang saya sedang menjemput...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Dah selesai. Mana ada perkara lain.

**YB Speaker** : Yang Berhormat...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol nak bentang tentang isu air. Bagi satu peluanglah, jangan macam ini.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Tak ada kena mengenalah, tak ada kena mengena, tak ada dalam Jadual. Itu pun tak faham. Apa pasal bodoh sangat.

**YB Speaker** : Saya punya keputusan dan patuhlah keputusan saya. Kalau Yang Berhormat sebagai Ahli Yang Berhormat benar-benar faham tentang kedudukan Ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan gunakanlah Peraturan dan saya gunakan Peraturan, kita patuh akan keputusan. Jemput, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, jemput. Yang lain, sila ambil perhatian, Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk membawa Rundingan, jemput.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sebelum itu saya ingin nyatakan bahawa Rundingan yang diminta ialah untuk wujudkan Jawatankuasa Memantau Siasatan, Speaker betul, tolak. Tak ada timbul soal nak minta Menteri Besar jawab dan sebagainya. Itu perkara lain. Dan, Menteri Besar tak takut untuk jawab apa-apa tapi tak ada dalam Rundingan ini. Rundingan yang diminta ialah untuk tubuh sebuah jawatankuasa, jadi dia tolak. Jadi, Speaker betul. Jadi, salah Peraturan.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya tidak puas hati kerana tadi mengikut Peraturan Tetap saya memberikan satu Rundingan setempat untuk memohon Menteri Besar memberi jawapan dan sekarang Menteri Besar sudah menjawab dia kata dia sedia untuk memberi iaitu penjelasan.

**YB Datuk Haji Maulizan Bin Bujang (Tiram)** : Baliklah kawasanlah Pekan Nenas. Kawasan tak jaga, bising dekat Dewan aje. Kawasan tak jaga...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya memohon Tan Sri Speaker membenarkan Rundingan saya, beri penjelasan. Ini tidak adillah. Saya memohon Rundingan ditolak tetapi Menteri Besar jawab macam gini.

**YB Speaker** : Yang Berhormat ikut dan patuh arahan saya.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Tak. Saya rasa tidak puas hati...

**YB Speaker** : Kalau tidak Yang Berhormat saya gunakan Perkara 20, saya gunakan Perkara 20, Yang Berhormat...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker,

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker sudah tolak sedang Menteri Besar Johor macam ni. Macam mana saya boleh puas hati?

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : Oh, cari publisiti ya. Oi, jangan cari publisiti murahan ya. Esok nak keluar surat khabar ke?

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Perkara 50...

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sekali lagi, Peraturan Mesyuarat...

**YB Speaker** : Saya arahkan Yang Berhormat sila keluar Dewan sekarang juga. (Dewan bertepuk).

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Saya minta Menteri Besar tarik baliklah, sebab tidak benar saya membuat Rundingan tetapi halau saya lagi. Apakah ini munasabah? Tidak munasabah.

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit)** : Halau keluar Dewan...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Tidak puas hati yang tengah macam ni Rundingan ditolak tadi dia cakap, Menteri Besar cakap dia tak takut.

**YB Speaker** : Yang Berhormat berdegil-degil dalam Perkara ini, kita tak boleh mesyuarat dengan cara begini. Saya minta Yang Berhormat...

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : Bukanlah, ini memang tidak adil tau.

**YB Speaker** : Saya minta Yang Berhormat keluar dari Dewan ini. Sila keluar.

**YB Encik Yeo Tung Siong (Pekan Nenas)** : *Treat* saya macam ini. Saya sudah nyatakan dalam Rundingan 32 secara...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, keluar, jemput-jemput. Keluar. Minta Yang Berhormat, keluar, ok. Yang Berhormat keluar. Ini Peraturan Dewan.

**Jurutulis : RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN LAMBANG, GELARAN DAN ANUGERAH (MENCEGAH PENGGUNAAN TIDAK WAJAR) JOHOR 2017.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah, (Mencegah Kegunaan Tidak Wajar) Johor 2017 dibacakan kali yang pertama.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong Rundingan itu.

**YB Speaker :** Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang pertama.

**Jurutulis : Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar, lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh Raja dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.**

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Peraturan Tetap 58 ditangguhkan sementara agar pertimbangan Rang Undang-Undang ini pada peringkat-peringkat yang lain dapat diselesaikan pada hari ini juga.

**YB Pengerusi Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan; yang tidak bersetuju, Rundingan itu dipersetujukan.

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon membawa Rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 yang dicadangkan ini merupakan undang-undang baru yang dibawa untuk kelulusan Dewan Negeri pada hari ini. Ia bertujuan mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh Raja dan perkara-perkara berkaitan dengannya.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, sejak akhir-akhir ini banyak kejadian telah dikesan berkaitan dengan penyalahgunaan lambang, jata dan gelaran yang mempunyai kaitan secara langsung atau tidak langsung dengan institusi Raja terutamanya Kesultanan Johor. Perbuatan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah mengundang kekeliruan dan keresahan di kalangan masyarakat dan telah menyebabkan nama baik institusi Raja tercemar. Hakikatnya perbuatan itu dilakukan dengan bertujuan untuk menipu rakyat dan bermotif keuntungan. Sekiranya tidak dikekang, perbuatan tidak bertanggungjawab itu akan memberikan imej negatif kepada Johor dan mencemarkan kedaulatan institusi Kesultanan Johor. Penggunaan tidak wajar itu termasuk menggunakan nama-nama yang berkaitan dengan institusi Raja seperti gelaran Duli Yang Maha Mulia Sultan, Duli Yang Maha

Mulia Raja Permaisuri, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor dan gelaran putera-putera dan puteri Sultan Johor.

Selain itu, turut dikesan adalah penggunaan lambang atau simbol institusi Kesultanan Johor yang diletakkan pada nombor pendaftaran termasuk bahagian depan atau belakang kenderaan. Justeru, satu Enakmen berkaitan dengan penggunaan tidak wajar lambang, gelaran dan anugerah yang baru perlu diwujudkan bagi mencegah penggunaan tidak wajar tersebut. Ia meliputi anugerah serta gelaran yang memberi erti apa-apa darjah, tanda kemuliaan dan kebesaran yang dikurniakan Raja. Penggubalan Enakmen baru ini penting bagi menghalang mana-mana pihak dari menyalahgunakan keistimewaan serta kurniaan yang diperkenankan oleh Kesultanan Johor.

Penggubalan Rang Undang-Undang ini juga bertujuan memberi peringatan kepada rakyat agar tidak terpedaya dengan pihak-pihak yang cuba mengambil kesempatan dan menanggung di air yang keroh. Kuasa mengurniakan sebarang darjah kebesaran adalah kuasa mutlak Raja atau Sultan yang memerintah seperti yang termaktub di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan 1895. Mana-mana orang yang melanggar larangan penggunaan ini telah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak kurang daripada RM250,000.00 atau tidak melebihi RM500,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.

Rang Undang-Undang Enakmen Lambang, Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017 ini mempunyai 4 bahagian yang mengandungi 15 Fasal. Perincian peruntukan bagi Rang Undang-Undang ini adalah seperti berikut :

1. Bahagian I Enakmen yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan yang terdiri daripada 2 Fasal. Iaitu Fasal Pertama mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa enakmen yang dicadangkan. Fasal 2, mengandungi makna perkataan dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam enakmen yang dicadangkan.
2. Bahagian II, Enakmen yang dicadangkan mengandungi peruntukan larangan penggunaan tidak wajar lambang, gelaran dan anugerah. Di bawah bahagian ini terkandung 4 fasal iaitu Fasal 3, melarang penggunaan lambang, gelaran atau anugerah kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Raja. Fasal 4, mengadakan peruntukan mengenai kesalahan, mengakui sebagai pemegang sah sesuatu gelaran atau anugerah kecuali dia dikurniakan gelaran atau anugerah tersebut oleh Raja. Fasal 5, mengadakan peruntukan mengenai kesalahan menggunakan apa-apa gelaran atau anugerah yang dibatalkan atau ditarik balik. Fasal 6, mengadakan peruntukan mengenai kesalahan menggunakan gelaran atau anugerah bukan hak dalam apa-apa bentuk atau cara.
3. Bahagian III Enakmen yang dicadangkan pula mengandungi peruntukan berkaitan lambang, gelaran atau anugerah yang tidak diiktiraf. Terdapat 5 Fasal di bawah Bahagian 3 ini, iaitu Fasal 7, mengadakan peruntukan berkenaan kesalahan memberi, menerima dan menggunakan. Fasal 8, mengadakan peruntukan berkenaan kesalahan menghadiri dan lain-lain apa-apa majlis pemberian gelaran atau anugerah tidak diiktiraf. Fasal 9,

mengadakan peruntukan berkenaan kesalahan membuat anugerah kebesaran yang tidak diiktiraf. Fasal 10, mengadakan peruntukan bagi kesalahan membuat dan lain-lain peralatan untuk membuat lambang atau tanda kebesaran anugerah tidak diiktiraf. Fasal 11, mengadakan peruntukan bagi kesalahan memiliki peralatan atau *material* untuk membuat lambang atau tanda kebesaran tidak diiktiraf.

4. Bahagian IV Enakmen yang dicadangkan mengandungi peruntukan Am yang mempunyai 4 Fasal. Fasal 12, memperuntukkan bahawa sesiapa yang cuba untuk melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Enakmen ini atau bersubhat melakukan kesalahan tersebut boleh dikenakan hukuman bagaimana diperuntukkan bagi kesalahan tersebut. Fasal 13, memperuntukkan perkara berhubung pendakwaan. Fasal 14, memperuntukkan tentang kuasa Raja untuk meminda Jadual melalui pemberitahuan dalam Warta. Fasal 15, memperuntukkan bahawa Raja boleh membuat Peraturan-Peraturan di bawah Enakmen ini. Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan sebarang perbelanjaan wang tambahan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon mencadangkan.

**YB Pengerusi Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker :** Rundingan di hadapan Dewan ini...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol memohon untuk membahaskan Rang Undang-Undang ini.

**YB Speaker :** Nanti, kita selesaikan yang ini dulu. Rundingan di hadapan Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Ahli-Ahli yang bersetuju, jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua.

**Jurutulis :** Suatu enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi mencegah penggunaan tidak wajar, lambang yang ditetapkan, gelaran dan anugerah yang dikurniakan oleh Raja dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

**Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Mengkibol mohon untuk perbahasan ini dibenarkan di bawah Peraturan 59.

**YB Pengerusi :** Saya belum benarkan. Sekarang saya jalan terus.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tak, ini dibenarkan di bawah Peraturan 59. Di mana apabila perbahasan dasar...

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat, kita sedang dalam menyusun cerita ini. Apa benda Yang Berhormat nak celah dekat sini? Nantilah, bila ada kesempatan...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Takde, ini di bawah Peruntukan Peraturan...

**YB Pengerusi :** Bila ada kesempatan Yang Berhormat boleh bercakaplah. Ini sekarang ini dalam usul kita...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tan Sri Speaker, ini Peraturan Mesyuarat. Peraturan mesyuarat membenarkan, memperuntukkan untuk membahaskan satu Rang Undang-Undang...

**YB Pengerusi :** Yalah, tapi masanya belum sampai. Sekarang kita dalam usul pembentangan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Tak, sekarang sudah Jawatankuasa...

**YB Pengerusi :** Astagfirullahalazim, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Itu bila sampai peringkat Jawatankuasa. Oi, Jawatankuasa baru boleh bahas. Cuba tengok peraturan...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Saya nak perbahaskan tentang dasar Rang Undang-Undang ini.

**YB Pengerusi :** Sekarang kita dalam usul pembentangan Rang Undang-Undang ini. Jadi, kita teruskan dululah. Sila, sila.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Tan Sri Speaker, sekarang sudah bahagian kedua.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Perbahasan adalah dibenarkan untuk dibahas mengikut Peraturan Mesyuarat. Tidak harus diabaikan peluang-peluang...

**YB Pengerusi :** Betullah tapi tunggulah masa yang sesuai. Sekarang saya kata Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa, jemput Jurutulis.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Secara dasar di dalam Rang Undang-Undang, tidak seharusnya diabaikan...

**YB Tuan Haji Ayub bin Jamil (Rengit) :** Ia boleh dibahas di peringkat Jawatankuasa.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tunggu, kalau begitu ingin berbahas, saya berpendapat Tan Sri Speaker harus diberi peluang untuk berbahas mengikut Peraturan Mesyuarat yang telah ditetapkan...

**YB Pengerusi :** Saya kata nantilah dulu, ikut sesuainya.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Pada peringkat dasar, sekarang nak masuk peringkat Jawatankuasa. Ini tidak mengikut sepatutnya Rang Undang-Undang yang dibentangkan di Dewan ini. Sebenarnya kita pada peringkat dasar dulu baru pergi ke peringkat Jawatankuasa. Tapi, sekarang peringkat Jawatankuasa. Kalau Mengkibol nak berbahas harus diberi peluang inilah tidak,

Peraturan Mesyuarat ini tidak ditangguhkan. Sebenarnya harus dibenarkan untuk membuat perbahasan.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : YB cakaplah, buat apa nak bahas lagi.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Masalahnya, duduklah saya cakap.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Apa masalah?

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Pada peringkat dasar harus dibenarkan. Kalau Peraturan Mesyuarat tersebut sudah tertangguh ini perkara yang lain. Ini peringkat dasar ni.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : YB nak bersyarah buat apa?

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Ini Rang Undang-Undang ini. Ini bukan sembarangan...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Kita baru pindah pada Jawatankuasa. Ni dah pindah Jawatankuasa, nak bahas, bahaslah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, tadi masa peringkat...

**YB Pengerusi** : Yang Berhormat...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Tadi masa peringkat dasar saya bangun untuk mohon perbahasan...

**YB Pengerusi** : Sekarang Yang Berhormat, Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang kedua dan diboleh dibahaskan sekarang. Saya cuma nak minta agaknya dua oranglah, tak lebih dua oranglah bahas daripada pihak pembangkang atau..silalah. Silalah.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri sekarang dasarkan, perbahasan dasarkan?

**YB Pengerusi** : Ya.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ok, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Speaker, kerana telah memberi peluang untuk bahas. Minta, minta ok, kalau nak bahas, nanti ok. Kalau tidak, diam, dengar.

**YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba (Pasir Raja)** : Cakaplah, apa nak cakap.

**YB Pengerusi** : Tak lebih 5 minit. Tak lebih 5 minit. Yang Berhormat, lagi kurang lagi baik. Ok, ok, Yang Berhormat. Sila, sila, tak lebih 5 minit, sila.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Ok, Yang Berhormat Tan Sri Speaker, pembentangan Rang Undang-Undang ini sebenarnya tepat pada masanya kerana, berlakunya, ada banyak kacau ganggu, macam mana?



**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai) :** Ingat nak cakap apa...

**YB Pengerusi :** Sila, sila, sila. Yang Berhormat yang lain...

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** 5 minit dah habis lah, bila dia orang kacau, 5 minit dah habis.

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat yang lain sila dengar teliti, betul-betul. Ok, sila.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Sebab, ada berlakunya banyak penyelewengan dan salah laku berkenaan dengan isu ini. Tetapi, pembentangan Rang Undang-Undang pada kali ini oleh pihak kerajaan sebenarnya telah juga menunjukkan beberapa kegagalan ataupun kelemahan pihak kerajaan.

Yang pertama, kita perlu faham bahawa Dewan Negeri Johor ini bukan satu cop getah ataupun dengan izin, *rubber stamp*. Kita ada peraturan tetap. Adakah Rang Undang-Undang ini perlu disegerakan sampai perlu selesai dalam satu hari? Jangan kita salah gunakan Peraturan Tetap 121 itu untuk tangguhkan Peraturan 58, sebab, bagi satu Rang Undang-Undang yang memberi implikasi kepada keseluruhan masyarakat, kita perlu masa untuk kaji.

Tan Sri Speaker, salinan asal kami dapat pada seminggu yang lalu, 7 hari sahaja, belum sempat hendak habis baca tiba-tiba hari ini ada lagi satu salinan yang dengan tulis RALAT. Apakah RALAT itu? Belum sempat baca sudah hendak bentang dan hendak baca tiga kali. Inikah sikap yang serius untuk membentangkan sesuatu Rang Undang-Undang? Sudah tentunya tidak.

Kedua, saya perhatikan dalam fasal-fasal dalam Rang Undang-Undang ini, ada kelemahan. Di mana, sebagai satu negeri yang menjunjung tinggi Institusi Diraja, sepatutnya kita memperkukuhkan dan memperkasakan lagi Institusi Raja Berperlembagaan. Namun demikian, dalam beberapa fasal dalam Rang Undang-Undang ini, kita nampak ada fasal-fasal yang mungkin menimbulkan salah tanggapan khususnya bagi orang-orang luar daripada Bangsa Johor yang tidak faham konteks Johor. Di mana di sini ada akan menimbulkan syak wasangka bahawa kuasa eksekutif ataupun kuasa untuk meminda undang-undang ataupun meminda peraturan ini telah diletak pada bebanan Institusi Diraja. Di mana Fasal 14 dan Fasal 15 memperuntukkan kuasa untuk meminda Jadual dan membuat peraturan diberikan kepada Raja. Adakah ini sejajar dengan semangat atau prinsip institusi berperlembagaan. Maka, kerajaan haruslah memberi perhatian dalam isu-isu ini supaya kita betul-betul memperkasakan dan menjunjung tinggi Institusi Diraja Berperlembagaan dan tidak mencemarkan nama institusi istana. Sekian, terima kasih.

**YB Pengerusi :** Yang Berhormat Mengkibol, Yang Berhormat faham tak kenapa Rang Undang-Undang ini hendak dibawa? Kerana hendak menyekat penyelewengan-penyelewengan yang berlaku. Ini sebab kerajaan membawa kerana ada tanggungjawab kerajaan supaya tidaklah penyelewengan-penyelewengan dapat dibuat begitu sahaja. Jadi, itu sebabnya ada undang-undang.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Itu sebab tadi Tan Sri Speaker...

**YB Pengerusi** : Sepatutnya Yang Berhormat hanya menyokong sahaja usul ini, usul ini usul yang baik sebenarnya. Memelihara nama Sultan, memelihara nama gelaran dan sebagainya, tidak ada benda yang rosak ataupun yang payah dekat sini Yang Berhormat.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Tan Sri Speaker, itu sebab yang tadi saya sebut, memang tepat masa untuk kita menggubal Rang Undang-Undang ini. Cuma ada beberapa perkara yang perlu dilihat dan perlu diperbetulkan.

**YB Pengerusi** : Ok, Yang Berhormat...

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah)** : Tan Sri Speaker, bukan untuk Tan Sri Speaker memberi penjelasan atas Rang Undang-Undang ini, sebenarnya yang harus memberi penjelasan berkenaan Rang Undang-Undang ini ialah daripada pihak kerajaan. Pihak kerajaan seharusnya memberi penjelasan berkenaan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Mengkibol.

**YB Pengerusi** : Inilah Yang Berhormat, inilah yang sebab kerajaan bawa undang-undang ini.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak)** : Ya, kita harus, apa ni daripada pihak kerajaan sebab ini Rang Undang-Undang ini di bentang oleh pihak kerajaan.

**YB Pengerusi** : Yang Berhormat, sila duduk Jementah.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak)** : Dan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar seharusnya memberi penjelasan.

**YB Pengerusi** : Yang Berhormat Menteri Besar jelaskan. Ini salah faham banyak ni.

**YB Encik Ee Chin Li (Tangkak)** : Terima kasih.

**YB Pengerusi** : Jemput Yang Amat Berhormat, terangkan. Yang Berhormat terang, jelas.

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, di peringkat dasar saya ingin lakukan penggulungan. Ada beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mengkibol dan salah satu daripadanya ialah seolah-olah bila dibentangkan Rang Undang-Undang ini ia menunjukkan kerajaan sebagai lemah. Sebenarnya, apa yang kita lakukan dan membentangkan enakmen ini ialah untuk kita mengatasi kekosongan, *lacuna*, *lacuna* yang berlaku dalam soal ini kerana maklumlah zaman berubah, rakyat semakin banyak, kalau dahulu tak pernah ada pihak-pihak yang menyalahgunakan tapi sekarang sudah ada. Lebih-lebih lagi dalam zaman *internet* dan sebagainya dan kadang-kadang mungkin bukan mereka yang tinggal di Johor dan bukan pun mungkin agaknya Bangsa Johor. Jadi, atas sebab itulah dulu tak ada undang-undang sekarang kita buat undang-undang bertulis bagi kita mengatasi *lacuna* ini.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah soal bahawa kita dalam sebuah negeri yang mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan. Memang kita setuju memang kita terima atas sebab itulah kita bawa pembentangan Rang Undang-Undang ini di sini, kerana punca kuasanya adalah kelulusan kita kepada

enakmen ini. Tetapi dalam kita buat enakmen ini, kita juga merujuk kepada Perlembagaan Negeri Johor, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri yang telah diterima pakai semenjak daripada 1895 yang mana mengatakan bahawa kuasa mengurniakan sebarang darjah kebesaran adalah kuasa mutlak Raja dan Sultan yang memerintah. Jadi, atas sebab itulah, Raja ada peranan untuk mengeluarkan peraturan. Tapi, untuk kuat kuasa tentu memerlukan kerjasama dengan kerajaan. Jadi, saya beri jaminan prinsip Raja Berperlembagaan akan terus terpakai dalam negeri Johor walaupun demikian. (Dewan bertepuk).

Dan, perkara yang ketiga, Yang Berhormat telah nyatakan bahawa walaupun seminggu dahulu dah dapat warta ini, tetapi hari ini dibentangkan warta dengan adanya RALAT, saya difahamkan bahawa RALAT itu adalah merujuk kepada pembetulan *font* dan *italic* sahaja. Jadi, Yang Berhormat sangka baiklah, lain kali tengok betul-betul, hanya itu sahaja yang menyebabkan kita tulis dekat situ RALAT. (Dewan bertepuk).

**YB Speaker : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.**

**Jurutulis : Fasal 1.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 1 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 2.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 2 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 3.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Yang Berhormat Tan Sri Speaker, nak bawah Fasal 3.

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram) :** Peraturan mana?

**YB Pengerusi :** Fasal 3.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ya, Fasal 3.

**YB Pengerusi :** Ha.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Ok, (1) (d), iaitu mempamerkan atau meletakkan apa-apa bahan yang mengandungi apa-apa lambang gelaran dan anugerah. Ok, kami sedia maklum, terdapat banyak kenderaan yang sedia ada di atas jalan sekarang dia orang suka beli lambang kerajaan negeri Johor meletak atas kereta. Jadi, bawah akta ini, Rang Undang-Undang ini, saya merujuk kepada (3) kalau kesalahan boleh didenda ataupun di penjara, jadi saya mintak kerana terlalu banyak kenderaan atas jalan sekarang memang dia orang suka menunjukkan dia berasal ataupun dia Bangsa Johor, jadi dia beli lambang itu yang boleh di dapat di kedai aksesori kereta untuk letak atas kereta. Jadi, kemungkinan ini salah satu kalau Rang Undang-Undang ini dijalankan kemungkinan besar ramai rakyat terutama Bangsa Johor mungkin didenda bawah akta ini. Jadi saya mohon kerajaan, terima kasih.

**YAB Menteri Besar :** Kita ambil perhatian, Tan Sri Pengerusi, mengenai apa yang dah dibangkitkan itu, saya percaya bahawa lambang kerajaan negeri ataupun bendera Johor tidak akan menjadi sebahagian daripada perkara yang ditegah dalam enakmen ini. Jadi, saya percaya itu di luar daripada lambang yang seperti di tarifikan dalam tafsiran Fasal yang ke-2 enakmen ini. Jadi, kita ambil perhatian dan kita pastikan itu tak menjadi kesalahan.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Pengerusi, tetapi dalam Jadual 1 Seksyen 2, Bahagian 1, Lambang yang ke-9 termasuk jata Kerajaan Negeri Johor, itu yang saya maksudkan, yang ramai letak atas kereta. Terima kasih.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Termasuk juga bendera Johor juga dalam jadual ini.

**YAB Menteri Besar :** Kita akan perhalusi perkara itu, sebab sebelum kita kuat kuasa kita ada masa untuk buat pindaan.

**YB Pengerusi :** Apa yang dimaksudkan Jata itu? Jadi jelaslah, nanti kerajaan negeri boleh tafsirkan. Fasal 4.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, Fasal 3, yang tidak bersetuju. Fasal 3 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 4.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 4 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 5.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 5 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 6.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 6 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 7.**

**YB Pengerusi :** Perkara di hadapan Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 7 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**YB Encik Tan Chen Choon (Jementah) :** Tan Sri Pengerusi,

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Fasal 7. Berkenaan dengan negaraan atau anugerah yang tidak diiktiraf.

**YB Pengerusi :** Berkenaan? Berkenaan apa?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Ini, Fasal 7.

**YB Pengerusi :** Ha.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol) :** Makna kita sedia faham, bahawa sekarang ini, ramai anak-anak Johor terima anugerah daripada luar. Baik negeri luar ataupun luar negara. Misal kata, ada yang terima gelaran Datuk daripada Kesultanan Sulu, kononnya. Jadi, adakah ini gelaran-gelaran ini, anugerah-anugerah ini dimasukkan atau digolongkan dalam kategori tidak diiktiraf dan apakah kesalahannya sekiranya dia Bangsa Johor, dia guna di Melaka, apabila balik sahaja dia tak pakai gelaran itu. Maka, perkara ini perlu diperjelaskan supaya tidak menimbul kekeliruan kepada masyarakat supaya, sebab sekarang ini banyak daripada negeri lain, banyak daripada negara lain.

**YB Pengerusi :** Ok, faham, yalah, macam gelaran daripada Sulu lah, Yang Amat Berhormat nak *respond*?

**YAB Menteri Besar :** Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi, pertama, gelaran-gelaran yang diiktiraf daripada negeri lain dan juga daripada Persekutuan. Sudah tentulah kalau negeri Johor tidak iktiraf gelaran daripada negeri lain, negeri lain pun tak iktiraf gelaran daripada negeri Johor. Jadi, memang ada yang diiktiraf, yang dikeluarkan oleh kerajaan secara sah mana-mana negeri dan negara tak ada masalah. Maknanya kalau kita Johor, Dato' Johor pergi ke Kuala Lumpur, kita digelar sebagai Dato' dan kalau Datuk Melaka datang ke Johor kita panggil dia juga sebagai Datuk. Tapi bagi gelaran-gelaran daripada pihak-pihak yang tertentu, saya percaya mungkin akan...

**YB Pengerusi :** Tidak diiktiraf.

**YAB Menteri Besar :** Tak diiktiraf mungkin tak adanya kuasa untuk iktiraf, mungkin perlu ada koordinasi antara semua negeri dan juga di peringkat persekutuan. Mana yang boleh dan patut diiktiraf dan tidak dan sebagainya. Selama ini mungkin tak ada undang-undang seperti ini dan tak memungkinkan perlu lakukan koordinasi itu. Jadi, ini akan membolehkan ada kesepakatan sama ada satu-satu anugerah itu, tak nak sebut daripada manalah perlu diiktiraf dan sebagainya atau pun tidak.

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 9 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 9 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 10.**

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 10 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 11.**

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 11 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 12.**

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 12 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 12 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 13.**

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 13 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 13 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Fasal 14.**

**YB Pengerusi :** Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 14 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 14 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : YB Tan Sri Speaker seperti tadi yang diperbahaskan di Fasal 15.

**YB Pengerusi** : 15 belum.

**Jurutulis : Fasal 15.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker seperti yang bahaskan tadi, adakah sesuai jika Fasal ini dipinda sedikit di mana kerajaan atas arahan Raja untuk membuat peraturan biar nampak lebih *neutral* sikit.

**YB Pengerusi** : Jemput.

**YAB Menteri Besar** : Terima kasih Yang Berhormat kerana bangkitkan perkara ini kerana supaya semua jelas, bahawa dalam Perkara 7, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri 1895 Negeri Johor, Raja bertindak atas nasihat kerajaan dan Menteri Besar. Jadi, bila Raja hendak buat atas nasihat Menteri Besar dan juga kerajaan.

**YB Pengerusi** : Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju Fasal 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Jadual Pertama.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Jadual Pertama jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Jurutulis : Jadual Kedua.**

**YB Pengerusi** : Perkara daripada dalam Jawatankuasa ini ialah supaya Jadual Kedua jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Jadual Kedua jadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

**Dewan Negeri bersidang semula.**

**YAB Menteri Besar** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah pun ditimbang dalam Jawatankuasa satu

persatunya dan dipersetujukan tanpa pindaan. Maka saya membawa rundingan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker saya menyokong rundingan itu.

**YB Speaker** : Rundingan daripada dalam Dewan ini ialah supaya Rang Undang-Undang yang dinamakan Enakmen Lambang Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Rundingan itu dikemukakan bagi mendapatkan keputusan. Ahli-Ahli yang bersetuju jemput angkat tangan, yang tidak bersetuju. Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

**Jurutulis** : Bahawa dengan ini adalah diperbuat Undang-Undang oleh Dewan Negeri Johor seperti berikut : Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Lambang Gelaran dan Anugerah (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Johor 2017.

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya mohon bawa rundingan supaya Dewan ini kita tangguhkan.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, Peraturan, peraturan...

**YB Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan** : Yang Berhormat Tan Sri Speaker, saya menyokong rundingan itu.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Peraturan, peraturan...

**YB Speaker** : Peraturan apa Yang Berhormat?

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : Mengkibol ingin membawa satu rundingan di bawah Peraturan 32(viii), bahawa Dewan Negeri Johor meminta Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor untuk memberi satu penjelasan berkenaan dengan *statement* di mana RM600 juta dikutip daripada ...

**YB Tuan Haji Ali Mazat bin Salleh (Bukit Permai)** : Apa lagi itu...

**YB Datuk Haji Maulizan bin Bujang (Tiram)** : ... Peraturan 50, yang mana tak ikut...

**YB Speaker** : Yang Berhormat, tidak boleh bawa sewenang-wenang seperti itu, ada Peraturan-Peraturan kita gunakan. Apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu saya tolak.

**YB Encik Tan Hong Pin (Mengkibol)** : So, yang lain. Rundingan yang lain.



**YB Speaker** : Alhamdulillah selesai sudah persidangan kita hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Ahli-Ahli Dewan Negeri dan Ketua-Ketua Jabatan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, persidangan ini saya tangguhkan sehingga ke satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

**Persidangan ditangguhkan pada jam 11:30 tengah hari.**

## **PEGAWAI-PEGAWAI BERTUGAS:**

### **Jurutulis**

Cik Shubanah binti Yusuf

### **Penolong Jurutulis**

Tuan Haji Mohd Nazid bin Jasiman  
Puan Farrah Diana binti Mohammad

### **Koordinator**

Puan Asiah binti Moklis

### **Ketua Unit Dewan**

Puan Norliza binti Md. Aris

### **Pembantu Penerbitan**

Puan Malina binti Mohd Nasir  
Puan Noraisah binti Mohd Yusof  
Encik Ariff bin Abu Bakar

### **Pembantu Operasi (Bentara)**

Encik Razine bin Sulaiman  
Encik Hamdan bin Markom  
Encik Mohd Hassan bin Jamian  
Encik Norhayadi bin Hussien  
Encik Muhamad Khirunizam bin Pahmi  
Encik Mohd Norazri bin Kasim  
Encik Mohd Sapri bin Manan

### **Setiausaha Pejabat (Pelapor Dewan)**

Puan Hajah Zalinah binti Ali  
Puan Hajah Azlin binti Baharin  
Puan Junaidah binti Paing  
Puan Noor Dalilah binti Dahalan  
Puan Raihanah binti Ismail

### **Rakaman**

Encik Nor Risam bin Esa  
Encik Azizan bin Md. Sidi

### **Juruaudio Video**

Encik Noorazhan bin Mohd Salleh  
Encik Mohd Hairul Azhar bin Hamzah

### **Juruteknik**

Encik Mohd Faizal bin Jaffar